BAHAGIAN A

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Siapakah yang mendefinisikan konsep Alam Melayu dari sudut bahasa?
   - **A** Dr. Ding Choo Ming
   - **B** Dato A. Aziz Deraman
   - **C** Abdul Hadi Haji Hassan
   - **D** Sutan Takdir Alisjahbana

2. Di manakah lokasi kerajaan Kedah Tua?
   - I Sungai Mas
   - II Sungai Bujang
   - III Selatan Vietnam
   - IV Lembah Sungai Mekong

   A I dan II **C** II dan III
   B I dan IV **D** III dan IV

3. Siapakah pemerintah kerajaan Funan yang telah berjaya menjadikan Funan sebagai sebuah kerajaan yang masyhur?
   - **A** Chu-Lien
   - **B** Raden Vijaya
   - **C** Fan Shih-man
   - **D** Che Bong Nga

4. Apakah yang menyebabkan kerajaan Srivijaya menjadi lemah?
   - **A** Serangan Siam
   - **B** Serangan Dai Viet
   - **C** Serangan tentera Chola
   - **D** Serangan kerajaan Chenla

5. Apakah bukti kemasyhuran kerajaan Kedah Tua?
   - **A** Mengatasi ancaman Dai Viet
   - **B** Berjaya menakluk Sumatera
   - **C** Kemajuan kegiatan perdagangan di Lembah Bujang
   - **D** Pelantikan Patih Gajah Mada sebagai Perdana Menteri

6. Kerajaan luar yang manakah sezaman dengan kerajaan Srivijaya pada abad kesembilan?
   - I Dinasti Tang
   - II Empayar Parsi
   - III Empayar Mongol
   - IV Kerajaan Abbasiyah

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

7. Mengapakah kerajaan Majapahit menghantar utusan kepada India pada abad ke-14?
   - **A** Menjalin hubungan keagamaan
   - **B** Memohon bantuan ketenteraan
   - **C** Mengeratkan hubungan persahabatan
   - **D** Memperkukuh hubungan perdagangan

8. Apakah gelaran yang digunakan oleh raja-raja dalam kerajaan Angkor?
   - **A** Dewaraja
   - **B** Maharaja
   - **C** Rajadhiraja
   - **D** Kurung Bnam

9. Apakah peranan pembesar dalam kerajaan Champa?
   - I Mengutip cukai
   - II Menjaga keamanan
   - III Menguruskan hal agama
   - IV Menjadi panglima perang

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

10. Gambar berikut menunjukkan kawasan sawah padi.



Apakah peranan pemerintah kerajaan Angkor bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi?

A Membina *baray*
B Melantik Ketua Air
C Menyelenggara tasik
D Membina sistem pengairan

11. Tanaman yang manakah ditanam sebagai tanaman dagangan?

I Padi
II Tebu
III Buah pala
IV Bunga cengkih

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12. Maklumat berikut berkaitan dengan pelabuhan kerajaan Alam Melayu.

> Kemudahan pelabuhan telah membolehkan kerajaan Alam Melayu berkembang maju hasil kegiatan perdagangan dengan pedagang luar.

Pelabuhan yang manakah muncul dalam kerajaan Funan?

A Oc Eo
B Pangkalan
C Palembang
D Sungai Mas

13. Apakah barang dagangan yang dibawa oleh pedagang China ke Alam Melayu?

A Manik
B Sutera
C Kain kapas
D Minyak wangi

14. Apakah kegunaan sarang burung layang-layang yang terdapat di Alam Melayu?

A Makanan
B Bahan pewangi
C Barang perhiasan
D Kesihatan dan perubatan

15. Apakah faktor yang membolehkan sistem tulisan berkembang dalam kerajaan Alam Melayu?

A Sikap toleransi
B Sifat keterbukaan
C Peranan pedagang
D Perkembangan teknologi

16. Apakah bukti bahasa Melayu menerima pengaruh bahasa Sanskrit dalam kerajaan Srivijaya?

I Batu bersurat Sungai Mas
II Batu bersurat Talang Tuwo
III Batu bersurat Kedukan Bukit
IV Batu bersurat Cherok Tok Kun

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17. Apakah bukti kegiatan persuratan awal dalam masyarakat kerajaan Alam Melayu?

A Inskripsi
B Manuskrip
C Karya sejarah
D Batu bersurat

18. Apakah fungsi candi yang dibina dalam kerajaan Alam Melayu?

I Rumah ibadat
II Pusat ekonomi
III Pusat pentadbiran
IV Pertemuan masyarakat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19. Seni bina yang manakah terdapat dalam kerajaan Majapahit?

I Candi
II Pintu gerbang
III Patung Buddha
IV Binaan kapal besar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20. Bagaimakah golongan diperintah mengukuhkan sistem beraja?

A Menjadi hamba
B Menunjukkan taat setia
C Menjana ekonomi kerajaan
D Berkhidmat dalam sektor ekonomi

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS